

15 SEP 2001

SEA-Gimnastik (Gimrama)

MALAYSIA KUASAI GELANGGANG GIMRAMA

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Seperti yang dijangka gimnas Malaysia Goh Yi Wei dan Celestie Chan menguasai gelanggang gimnastik untuk memenangi pingat emas dan perak acara gimrama Sukan SEA ke-21 di Stadium Putra di sini, hari ini.

Persembahan menarik kedua-dua gimnas itu mengatasi gimnas Thailand Pattra Sarikaputra yang memenangi pingat gangsa.

Goh Yi Wei mencatatkan 98.2 mata dalam empat rutin untuk mengalahkan rakan sepasukan Celestie Chan yang mencatatkan 96.575 mata manakala Pattra Sarikaputra memperolehi 95.6 mata.

Yi Wei, 17, menampilkan kehebatan dan kecekapannya dalam rutin gelung dan bola apabila memperolehi mata tertinggi untuk kedua-duanya.

"Saya gembira, benar-benar gembira," katanya ketika ditemui seIepas majlis penyampaian pingat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaimanapun, beliau kurang menyerlah dalam rutin belantan, disiplin terakhir yang harus dilalui oleh setiap gimnas.

"Belantan ialah rutin yang paling sukar bagi saya tetapi ia apparatus kegemaran saya. Saya tak tahu di mana silapnya... saya selalu kecundang dalam acara kegemaran saya," katanya sambil menafikan beliau terlalu yakin semasa rutin terakhir itu.

Rakan sepasukan, Celestie Chan yang mengalami gastrik, pula menjadi gimnas pilihan dalam rutin gelung dan belantan.

Persembahan menarik Celestie dalam dua disiplin itu menambat perhatian penonton, yang tidak henti-henti memberi sokongan sepanjang persembahannya.

Aksinya dalam runtin gelung turut mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merakamkan persembahan gimnas itu semasa berada di Stadium Putra selama 30 minit untuk menyaksikan acara gimnastik.

Celestie berkata beliau merasa sakit gastrik semasa rutin kedua, gelung, dan berharap kesakitannya itu dapat disembuhkan esok kerana beliau mahu menampilkan persembahan terbaik semasa apparatus akhir.

"Berdasarkan apa yang saya rasa sekarang, saya berharap cepat sembuh. Saya benar-benar mahu sembuh," kata Celestie.

Beliau akan menyertai apparatus tali, belantan dan bola esok.

Timbalan pengurus pasukan Thailand Iamchangpun Chakrit juga mengakui bahawa gimnas Malaysia sukar dicabar.

Beliau berkata walaupun Thailand berharap dapat memenangi emas dalam acara apparatus esok, tugas itu nampak sukar walaupun gimnasnya menampilkan sedikit peningkatan.

"Ya, gimnas saya semakin baik. Mungkin, (emas) akan datang," katanya.

--BERNAMA

LES NAK